

## Pasukan Dato' Onn juara sukan pantai



Pasukan Dato' Onn diumumkan sebagai juara karnival sukan pantai JKPS Dewan Penginapan Pelajar EON Universiti Utara Malaysia 2016. Foto: SYARIF YUSOF

GEORGETOWN - Pasukan Dato' Onn menjuarai karnival sukan pantai sempena Kursus Pengurusan Organisasi Pembangunan Siswa (JKPS) Dewan Penginapan Pelajar (DPP) EON Universiti Utara Malaysia (UUM) 2016 di Pantai Tanjung Bungah, Batu Ferringhi, baru baru ini.

Exco sukan dan rekreasi Mohamad Syazwan Osman, 22, berkata, program kesukanan turut diselitkan untuk memberi keseimbangan mental dan fizikal buat peserta

yang mengikuti kursus pengurusan tersebut.

Menurutnya, semua pihak termasuk pengurusan tidak terlepas mengikuti karnival sukan tersebut bagi melengkapkan kursus pembangunan yang dijalankan selama dua hari.

"Sukan pantai ini dapat merapatkan hubungan antara Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) Dewan penginapan pelajar (DPP) EON UUM.

"Kursus dan karnival su-

kan ini mengajar setiap peserta mengenai perancangan, perbincangan dan menyusun strategi dengan teliti agar kemenangan memihak kepada pasukan yang ingin mencapai kejayaan," katanya.

Mohamad Syazwan berkata, Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa berharap, platform kursus ini mampu membantu setiap ahlinya untuk lebih memahami soal pengurusan selepas kembali ke kampus.